



## MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

### PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN SLOGAN TAMAN REKREASI DAN ZOO KEMAMAN

#### 1. Syarat Pertandingan, Spesifikasi Reka Bentuk Logo Dan Borang Penyertaan.

##### 1.1 Syarat Dan Tema Pertandingan

- a) Setiap penyertaan perlu disertakan sekeping tiket masuk zoo dan gambar didalam zoo sebagai bukti
- b) Terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia yang berumur 16 hingga 40 tahun.
- c) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walaubagaimanapun, hanya satu logo akan dipilih sebagai pemenang.
- d) Semua ciptaan mestilah ASLI dan tidak diceduk/ ditiru/ diciplak dari mana-mana logo tempatan maupun dari luar Negara.
- e) Semua logo yang diterima oleh Urusetia pertandingan akan menjadi hak milik Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman dan tidak boleh dikembalikan. Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman berhak ke atas logo yang terpilih sama ada untuk dipinda atau diubahsuai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan ataupun dicetak dalam mana-mana acara atau majlis rasmi jabatan.
- f) Pemenang akan menerima hadiah tunai, plak beserta sijil penyertaan.

#### 2. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

- a) Reka bentuk mestilah baru dan asli serta tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak. Pengajur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga. Penyertaan akan terbatal sekiranya didapati hasil karya yang dikemukakan tidak asli/ciplak.
- b) Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21cm x 29.7 cm) berwarna putih dalam komputer grafik dan dilekatkan pada kertas tebal atau "mounting board" dan juga menyediakan dalam bentuk 'softcopy' menggunakan format AI (Adobe Illustration) atau PSD (Adobe Photoshop ) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 atau menggunakan software terkini yang bersesuaian.

- c) Perea hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo dan simbol serta warna yang digunakan.
- d) Reka cipta logo hendaklah mempunyai gambar 3 spesis ini
- I. Harimau Malaya
  - II. Gajah
  - III. Cenderawasih
- e) Bercirikan gabungan moden dan futuristic mengambarkan taman rekreasi dan zoo serta mengambarkan identiti, imej Taman Rekreasi & Zoo Kemaman.
- f) Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.

### **3. BORANG PENYERTAAN**

- a) setiap peserta hendaklah mengisi borang penyertaan yang disediakan.
- b) maklumat peserta hendaklah dicatatkan dengan jelas dibelakang hasil karya masing-masing iaitu:
- nama penuh
  - nombor kad pengenalan
  - alamat penuh, dan
  - nombor telefon
- penyertaan hendaklah dihantar dalam bentuk hard copy dan soft copy sama ada melalui:

Pos atau email (dalam format .ai atau .psd atau .jpeg)

Penyertaan dibuka mulai 1 Februari (Selasa) hingga 28 Februari 2022 (Isnin)

Sebarang penyertaan yang diterima selepas 1 Mac 2022 tidak akan dilayan oleh pihak Urusetia.

Setiap penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut;

**Urusetia**

**Pertandingan Mencipta logo dan slogan Taman Rekreasi & Zoo Kemaman**

**Taman Rekreasi & Zoo Kemaman,**

**24000, Kemaman,**

**Terengganu Darul Iman.**

**Telefon : 09 - 859 6644 / 6645 @ 014 3912400**

**Email : trzookemaman@gmail.com**

Pastikan di sebelah atas kiri sampul atau subjek tertulis 'Pertandingan Mencipta Logo TRZK'

Segala kos untuk menyertai pertandingan ini adalah atas tanggungan peserta sendiri.

#### **4. METODOLOGI PENILAIAN**

- a) Penilaian dilakukan terhadap semua penyertaan yang diterima peserta yang menyertai pertandingan.
- b) Penilaian akan dijalankan melalui penelitian terhadap layout/design logo yang dihantar kepada Urusetia Pertandingan.
- c) Hanya satu reka bentuk logo sahaja akan dipilih untuk memenangi pertandingan ini.
- d) Pemenang hanya layak menerima satu hadiah tunai dan sijil penyertaan dan plak sahaja.

#### **5. PANEL PENILAI**

- a) Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dibentuk berasingan.
- b) Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan muktamad oleh Panel Penilai.
- c) Panel Penilai berhak membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
- d) Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo yang disertai sekiranya perlu.
- e) Logo yang terpilih akan digunakan dan menjadi hak milik Taman Rekreasi & Zoo Kemaman.

#### **6. HADIAH**

- a) Johan akan menerima wang tunai RM 2500.00 berserta sebuah plak dan sijil penyertaan berserta sebuah plak.
- b) 5 pemenang saguhati akan menerima wang tunai RM 200.00 dan sijil penyertaan.
- c) Hadiah slogan terbaik akan menerima wang tunai RM 300.00 dan sijil penyertaan berserta sebuah plak.
- d) Semua pemenang akan dimaklumkan oleh pihak Urus Setia melalui telefon atau surat atau email.
- e) Majlis penyampaian hadiah akan dilakukan dalam satu majlis yang akan dimaklumkan kemudian.